



Headline: Pemuda beri butiran peribadi kepada 'Macau Scam'
Publication/Portal: Utusan Borneo (Sarawak)
Date: 21 January 2019

Language: Malay
Section: Tempatan
Page: 2

Pemuda beri butiran peribadi kepada 'Macau Scam'

MIRI: Seorang lelaki kerisauan kerana mendedahkan butiran peribadinya setelah dihubungi seorang wanita yang mengaku sebagai poli: dipercayai sindiket 'Macau Scam'.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Sarawak Superintenden Mustafa Kama Gani Abdullah berkata, poli: menerima laporan daripada mangsa berusia 28 tahun itu kelmarin.

“Mangsa menerima panggilan daripada tiga nombor berlainan daripada seorang wanita yang memperkenalkan diri sebagai kopera daripada Unit Trafik Bahagian Semakan Saman dan Laporan.

“Wanita itu telah meminta butiran peribadi mangsa untuk membuat semakan saman dan mangsa telah memberikar butiran seperti yang diminta,” katanya dalam kenyataan media semalam.

Beliau berkata, setelah memberikan butiran peribadi mangsa terus mematikan panggilan telefon apabila menyedari dirinya mungkin telah ditipu.

“Mangsa buat laporan polis kerana takut identitinya disalahgunakan dan untuk keselamatan diri.

“Mangsa bagaimanapun tidak mengalami apa-apa kerugian dalam kejadian itu,” jelasnya.